

Jamiyah rai pencapaian pesilat dalam kejohanan sedunia

Berita Harian | Selasa, 5 Mac 2019
gaya hidup



PENDEKAR DAN SRIKANDI NEGARA: (Dari kiri) Sheik Alau'ddin, Muhammad Iqbal Abdul Rahman, Nurzuhairah Mohd Yazid, Nur Azlyana Ismail, Nurhanishah Shahrudin, Encik Saktiandi, Sheik Ferdous Sheik Alau'ddin, Dr Mohd Hasbi, Nurul Suhaila Mohd Saiful, Sheik Farhan Sheik Alau'ddin serta Muhammad Hazim Mohd Yusli bergambar bersama selepas majlis penyampaian plak sebagai tanda pengiktirafan prestasi cemerlang mereka di Kejohanan Pencak Silat Sedunia ke-18 tahun lalu. – Foto BH oleh IOBAL FAIZAL

MEREKA berjaya mencipta nama tersendiri dalam sejarah seni pencak silat Singapura.

Segala jerih-payah dan titisan peluh yang mengalir akhirnya digantikan dengan kemanisan kemenangan yang diraih di gelanggang dunia.

Bak perwira, kecemerlangan pesilat negara mendapat pujian dan perhatian ramai.

Manakan tidak. Sebanyak 20 pingat telah digondol pasukan silat negara dalam Kejohanan Pencak Silat Sedunia ke-18 tahun lalu, sekali gus memecahkan rekod pungutan pingat dan dijuang sebagai juara keseluruhan.

Tujuh pingat emas, enam perak dan tujuh gangsa menjangkau sasaran enam pingat emas yang ditetapkan oleh Persatuan Silat Singapura (Persisi) untuk skuad Singapura di kejohanan tersebut.

Dalam satu majlis penuh gilang-gemilang 'Meraikan Kejayaan' anjuran Jamiyah Sabtu lalu, pencapaian mereka diiktiraf sekali lagi.

Plak yang diterima dari Anggota Parlimen GRC Bishan-Toa Payoh, Encik Saktiandi Supaat,

yang hadir sebagai tetamu terhormat menjadi petanda peringat atas kejayaan masing-masing.

Ketika menyampaikan ucapannya, Encik Saktiandi meluahkan rasa bangga terhadap pencapaian pesilat negara itu kerana bukan sahaja membanggakan masyarakat Melayu/Islam di sini, malah membanggakan negara.

"Prestasi dan pencapaian pesilat kita di Kejohanan Pencak Silat Sedunia yang ke-18 itu bukan mudah untuk dicapai.

"Ia tentunya memerlukan latihan yang gigih dan azam yang kuat serta semangat yang jitu di kalangan para pesilat kita," kata Encik Saktiandi di hadapan sekitar 250 orang yang hadir ke majlis tersebut.

Di samping itu, beliau turut memuji sumbangan Ketua Pegawai Eksekutif Persisi, Sheik Alau'ddin Yacoob Marican, dalam membantu meningkatkan prestasi sukan ini sehingga membawa kejayaan di gelanggang dunia.

Pujian khas kepada bekas juara dunia itu dan anak didiknya juga diberikan oleh Presiden Jamiyah Singapura, Dr Mohd Hasbi Abu Bakar.

Beliau berkata:

"Saya ingin mengucapkan syabas kepada Persisi, terutama Sheik Alau'ddin yang telah dengan jayanya menganjurkan pertandingan peringkat dunia ini walaupun diberi masa yang singkat.

"Tahniah juga kepada mereka semua yang telah menjayakan pertandingan itu."

Sheik Alau'ddin akur bahawa kejayaan pesilat negara tidak akan dapat dicapai tanpa sokongan padu dari masyarakat setempat, termasuk Jamiyah.

"Jamiyah Singapura telah menjadi antara penyokong kuat Persisi dan sukan silat di sini. Dan majlis ini, 'Meraikan Kejayaan' merupakan antara contoh tersebut.

"Kami sungguh berbesar hati kepada Jamiyah kerana sudi menganjurkan majlis ini bagi meraikan kejayaan juara kejohanan silat sedunia kami atas kecemerlangan mereka.

"Kami mengalu-alukan kerjasama rapat dengan Jamiyah Singapura untuk acara yang akan datang," ujarnya.